

NUSANTARA III

SUNDA - KRAKATAU

K A N D U N G A N

Kata - Kata Aluan Menteri Belia Dan Sukan

Kata - Kata Aluan Duta Besar Indonesia

Kata - Kata Aluan Dato' Bandar Kuala Lumpur

*Kata - Kata Aluan Ketua Setiausaha
Kementrian Belia Dan Sukan*

*Kata - Kata Aluan Presiden Persatuan Kenu
Kuala Lumpur*

Sunda Krakatau

Nusantara 3

Nusantara 2

Nusantara 1



KATA-KATA ALUAN



Saya amat berbangga serta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Persatuan Kenu Kuala Lumpur KLCA kerana sekali lagi berusaha gigih dan mengilhamkan siri pengembaraan berkayak bertaraf antarabangsa yang saya kira sungguh

begitu unik dan pe...h dengan cabaran serta nilai-nilai pengembaraan.

Sesungguhnya Kementerian Belia dan Sukan amat peka dan sentiasa berusaha untuk membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang dinamik, aktif serta cergas sesuai dengan konsep MALAYSIA CERGAS yang diperkenalkan, KLCA melalui projek NUSANTARA 111 (Sunda-Karakatau) telah dapat membantu memberi kesedaran kepada masyarakat tentang dasar-dasar murni kerajaan bersempena Bulan Belia dan Sukan Kebangsaan 1991.

Saya yakin projek ini amat berfaedah dalam usaha kerajaan kita mengeratkan lagi perhubungan persahabatan dan ikatan sosial-budaya-politik kedua-dua negara jiran tetangga iaitu Malaysia dan Indonesia.

Semoga projek ini akan dapat mengembalikan kenangan sejarah zaman kegemilangan ilmu pelayaran yang pernah kita warisi di NUSANTARA ini.

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA"
(ANNUAR MUSA)





KATA-KATA ALUAN



Assalamualikum
warahmatullahi
wabarakatuh

Alhamdulillah saya
panjatkan kepada
Tuhan Yang Maha
Kuasa, dan teriring
ucapan terima kasih
kepada Persatuan
Kenu Kuala Lumpur
atas penghormatan
yang diberikan
kepada saya untuk
turut memberikan
"Kata Sambutan"
dalam Buku
Cenderamata ini
sehubungan dengan

adanya Ekspedisi Kayak Nusantara 111.
Sejak berlangsungnya ekspedisi Nusantara 1
(Johor-Singapura-Riau) dan Nusantara 11 (Port
Dickson-Dumai) menyusul pula ekspedisi
Nusantara 111 ini, saya sangat mengharapkan,
bahwa dengan semakin kerapnya ekspedisi
seperti ini bukan saja dapat mengenal wawasan
nusantara khususnya, namun lebih dari itu, akan
dapat lebih mempereratkan hubungan
silaturahmi antara kedua bangsa dan negara.
Adapun Ekspedisi kayak Nusantara 111 ini, yang
menempuh jarak lebih kurang 300 Km dan
memakan waktu 10 hari, bila dibandingkan
dengan ekspedisi sebelumnya, memperlihatkan
adanya peningkatan. Kerena di samping
merayakan Bulan Sukan Malaysia, juga turut
memeriahkan Tahun Melawat
Indonesia 1991 yaitu dengan liputan berbagai
mass media yang mengikuti ekspedisi tersebut di
tempat-tempat padat wisata.
Sehubungan dengan itu, perkenankan saya
mengucapkan tahniah serta harapan semoga
ekspedisi ini selamat dalam menempuh
gelombang selat Sunda/Krakatau dan berhasil
memperoleh pengalaman yang berguna.
Sekian, semoga Allah SWT selalu memberikan
taufiq dan hidayahnya kepada kita semua.
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sunarso
DUTA BESAR

SUNARSO DJAJUSMAN





KATA-KATA ALUAN



Sebagai

Penaung kepada Persatuan Kenu Kuala Lumpur saya berasa amat gembira dan ingin mengucapkan syabas kepada KLCA kerana setiap tahun dapat bergerak aktif di dalam menjayakan aktiviti-aktiviti persatuan, tahniah juga harus diberi kepada jawatankuasa

KLCA kerana berjaya melaksanakan projek Ekspedisi Berkayak NUSANTARA 111 (Sunda-Karakatau) yang bertaraf antarabangsa ini.

Saya juga berharap ekspedisi ini akan dapat memberi faedah kepada ahli-ahli persatuan di dalam menimba pengalaman Pengembaraan Berkayak di samping memperkenalkan KLCA di peringkat Antarabangsa dan secara tidak langsung dapat memperkenalkan Bandraya Kuala Lumpur pada rakyat di negara jiran kita Indonesia melalui projek ini nanti.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada YB Menteri Belia dan Sukan kerana sudi hadir serta melancarkan Ekspedisi ini dan kepada badan-badan koprat serta agensi-agensi yang memberi sumbangan bagi menjayakan projek ini, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Selamat maju jaya kepada semua Ahli-ahli KLCA

(TAN SRI DATO' ELYAS BIN OMAR)





KATA-KATA ALUAN



Terlebit dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada Persatuan Kenu Kuala Lumpur (KLCA) kerana sekali lagi berani mengorak langkah dalam menganjurkan Ekspedisi Berkayak bertaraf antarabangsa yang dinamakan NUSANTARA III (Sunda - Krakatau) yang mana Ekspedisi ini adalah sebahagian daripada Program Bulan Sukan Kebangsaan 1991

kelolaan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. NUSANTARA III (Sunda - Krakatau) merupakan sukan rekreasi dan kecergasan yang memerlukan daya tahan yang unggul serta kekuatan mental setiap individu bagi membantu melahirkan sebuah generasi belia yang berkomitmen tinggi sebagai penggerak atau pemimpin dalam sesebuah pertubuhan disamping 'merealisasikan' Dasar Sukan Negara.

Selaku Penasihat Projek NUSANTARA III saya ingin berpesan kepada setiap peserta-peserta supaya menunjukkan disiplin yang tinggi dan anggaplah yang pemilihan saudara-saudara sebagai misi Kerajaan selaku Duta Kecil sewaktu di negara jiran, Indonesia untuk membawa imej yang baik dan mengharumkan nama negara. Selamat maju jaya di dalam mengharungi ekspedisi ini.

Sekian, terima kasih.

'MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA'

(AHMAD ZABRI IBRAHIM)
Ketua Setiausaha,
Kementerian Belia dan Sukan,
Malaysia.





KATA-KATA ALUAN



PERKATAAN SUNDA DAN KRAKATAU MERUPAKAN DUA NAMA YANG BEGITU PENTING DALAM SEJARAH DUNIA KHUSUSNYA BAGI MASYARAKAT INDONESIA. PENGEMBARAAN KLCA MELALUI DUA NAMA YANG MASYUR INI BUKANLAH HANYA SEKADAR MENJEJAK KEMBALI TRADISI PENGEMBARAAN DI

PERAIRAN KEPULAUAN NUSANTARA TETAPI SEBAGAI SATU SIMBOLIK USAHA DAN KETEKUNAN PERSATUAN KENU KUALA LUMPUR UNTUK MENEMPATKAN NAMA-NAMA PENDAYUNG MALAYSIA DI PETA MARITIM DUNIA.

SAYA BERSHUKUR KERANA DALAM USAHA MENCAPAI CITA-CITA INI, TELAH DILIHAT SATU PENGEMBELINGAN TENAGA DARI PELBAGAI SEKTOR DAN LAPISAN MASYARAKAT.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI JUGA UNTUK MENGUCAPKAN BERBANYAK-BANYAK TERIMA KASIH KEPADA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN DAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR KERANA SENTIASA MEMBERI NASIHAT DAN BANTUAN SECARA POSITIF DALAM KEJAYAAN PROJEK NUSANTARA. PERSATUAN KENU KUALA LUMPUR BERJANJI AKAN BERUSAHA MENJADI YANG TERBAIK DAN MENCAPAI CITA-CITA UNTUK MENYEBERANGI SEBERAPA BANYAK YANG TERMASYUR DI DUNIA.

SEKIAN. WASSALAM.....
SHAHARUDDIN HASSIM

PRESIDEN



J A W A T A N K U A S A

INDUK NUSANTARA 111 SUNDA KRAKATAU 1991

PENAUNG

YB SENATOR ANUAR MUSA
MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

PENASIHAT

Y.BHG TAN SRI DATO ELYAS OMAR
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Y.BHG EN AHMAD ZABRI

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

PENGERUSI

EN ABDUL AZIZ ABDAN
KETUA PENGARAH SUKAN

TIMBALAN PENGERUSI

EN SHAHARUDDIN HASSAM
PRESIDEN PERSATUAN KENU KUALA LUMPUR

SETIAUSAHA

EN MOHD ARIS BACHIK

PEGAWAI PENYELARAS

EN ZAMBRI ABU YAZID

AHLI-AHLI

KREW

SYED SULTAN IDRIS

DR BAGDJA WALUJA H.

EN ABU BAKAR YAHAYA

EN ONG ANG TEAM

EN SALEHAN SURU

EN SAHLAN IBRAHIM

SEKAPUR SIREH,TV3

WISMA PUTRA

KEDUTAAN INDONESIA,MALAYSIA

PENGARAH JBS, WILAYAH

BAHAGIAN SUKAN

BAHAGIAN SUKAN

PERSATUAN KENU KUALA LUMPUR

SUNDA KRAKA



PERSATUAN KENU KUALA LUMPUR YANG LEBIH DIKENALI DENGAN NAMA RINGKAS KLCA TELAH DIDAFIAR SECARA RASMINYA PADA TAHUN 1988, BERTUJUAN UNTUK MENGEMBANGKAN SUKAN KAYAK SEBAGAI SUKAN PRESTASI TINGGI DAN JUGA BERCORAK PENGEMBARAAN SEJAJAR DENGAN MATLAMAT KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN DALAM KONSEP MALAYSIA CERGAS.

KLCA YANG DIDUKUNGI OLEH SEKUMPULAN AHLI-AHLI INDIVIDU DARI PELBAGAI BANGSA DI MALAYSIA DAN SENTIASA BERGERAK CERGAS UNTUK MELAHIRKAN SATU KUMPULAN BAKAL PEMIMPIN YANG DINAMIK, BERPENGALAMAN SERTA MAHIR DI DALAM KEGIATAN SUKAN DAN REKREASI KHUSUSNYA DI

LAPANGAN SUKAN KENU. DI DALAM USAHA UNTUK MELAHIRKAN AHLI-AHLI SUKAN BERPRESTASI TINGGI DI LAPANGAN SUKAN KENU INI, KLCA TELAH MENGORAK LANGKAH MENGANJURKAN BEBERAPA KEJOHANAN, DI ANTARANYA:-

1. REGATTA DAYUNG KUALA LUMPUR (KEJOHANAN TERTUTUP KEBANGSAAN) - DI MANA KUALA LUMPUR MUNCUL SEBAGAI JUARA KEBANGSAAN DENGAN MERANGKUL 7 DARI 10 BUAH PINGAT.


2. REGATTA DAYUNG NOVIS KUALA LUMPUR 1991 (KEJOHANAN TERTUTUP KUALA LUMPUR)

DI BIDANG PENGEMBARAAN PULA, PASUKAN KLCA TELAH MENCATAT SEJARAH DALAM :-

1. EKSPEDISI KAYAK WANITA



TAU



MENGELILINGI SINGAPURA -
MENCATAT SEJARAH SEBAGAI
PASUKAN WANITA PERTAMA.

2. EKSPEDISI NUSANTARA 1 DAN
NUSANTARA 2

3. EKSPEDISI INLAND TASEK BERA
- TASEK CHINI.

PROJEK-PROJEK CEMERLANG
YANG DI RANCANG DARI TAHUN
1991 - 1995 :-

1991 SEPTEMBER -

MENYEBERANGI SELAT INGGERIS
DISEMBER - REGATTA DAYUNG
KUALA LUMPUR II

1992 JUN - TRANS NIPPON KAYAK
EXPEDITION

SEPTEMBER - MAT KILAU TRAIL
BY KAYAK- DI ANJURKAN
BERSEMPENA DENGAN TAHUN
MELAWAT ASEAN. JEMPUTAN
UNTUK PERSATUAN-PERSATUAN
KENU SELURUH DUNIA.

1993 JUN - SUEZ CANAL KAYAK
EXPEDITION

1995 JUN - SELAT BERING



NUSANTARA 111(SUNDA-KRAKATAU)

Nusantara 111(Sunda-Karakatau) diilhamkan oleh Persatuan Kenu Kuala Lumpur ekoran kejayaan cemerlang dalam siri-siri pengembaraan berkayak nusantara 1 ke Kepulauan Riau pada tahun 1989 dan Nusantara 11 ke Dumai,Sumatera pada 1990.

Projek Nusantara 111 ini dirancang selaras dengan sambutan bulan Sukan Kebangsaan 1991 yang menggabungkan dengan negara jiran tetangga yang begitu intim perhubungan persaudaraannya iaitu Indonesia dan Malaysia.Pengembaraan berkayak di persekitaran perairan Selat Sunda ini menggabungkan seramai 20 pendayung dari Malaysia dan 4 pendayung dari Persatuan Olahraga Dayung Seluruh Indonesia(PODSI) dari Indonesia yang akan mengharungi jarak perjalanan sejauh 300 km.

Sebutan nusantara memangnya amat terkenal dikalangan orang-orang Melayu dirantau ini,Nusantara adalah gugusan kepulauan Melayu di Asia Tenggara yang mana amalan penduduknya tiada banyak perbezaan dari segi tutur kata dan sosial budaya diantara satu sama lain.

SUNDA KRAKATAU harus dilihat sebagai satu usaha pengembaraan berkayak yang unik dirantau ini,ianya dipusatkan untuk memenuhi objektif dan matlamat seperti berikut;


1.Mencatat dan mendokumentasikan siri siri pengembaraan nusantara dan SUNDA-KRAKATAU merupakan siri kemuncaknya,ianya juga dilaksanakan sempena Tahun Melawat Indonesia 1991

2.Memberi peluang kepada pendayung pendayung agar dapat menimba pengalaman dan pengetahuan organisasi eksepedisi diperingkat antarabangsa.

SUNDA KRAKATAU bukan hanya sekadar satu perjalanan ekspedisi tetapi pada Persatuan Kenu Kuala Lumpur ianya merupakan satu pelaburan jangka panjang bukan dari segi keuntungan kewangan tetapi dari sudut kepimpinan,semangat dan kesungguhan untuk menjayakan diri di peringkat tertinggi dibidang yang akan diceburi ini.




**EKSPEDISI KAYAK
NUSANTARA - III
SUNDA - KRAKATAU 1991**



JARAK PERJALANAN - 300 Km
MASA - 11 HARI


NUSANTARA 11(PORT DICKSON-DUMAI)


NUSANTARA 11 telah dijalankan pada bulan ogos 1990 dan diketuai oleh En. Samari Hj Mohd Senang yang dianjurkan oleh Persatuan Kenu Kuala Lumpur dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan melibatkan penyertaan seramai 20 orang pendayung dari Kuala Lumpur yang mana membuat pengembaraan berkayak sejauh 232 km, pengembaraan ini adalah merupakan sejarah dunia kerana mencipta pendayung-pendayung pertama yang berjaya merentasi Selat Melaka dengan menggunakan kayak dari Port Dickson hingga ke Dumai, Sumatera.



NUSANTARA 1 (JOHOR-SINGAPURA-RIAU)

NUSANTARA 11 TELAH DIJALANKAN PADA TANGGAL JUN 1989 YANG MENGGABUNGAN PENYERTAAN 3 BUAH NEGARA ASIA TENGGARA IAITU MALAYSIA, SINGAPURA DAN INDONESIA SERTA MELIBATKAN PENYERTAAN SERAMAI 12 PENDAYUNG DARI MALAYSIA, 2 DARI SINGAPURA DAN 3 PENDAYUNG INDONESIA YANG MEMBUAT PENGEMBARAAN BERKAYAK SEJAUH 310 KM, PROJEK INI DIKETUAI OLEH ENCIK SHAHARUDDIN HASSIM DAN DIBAWAH PENGANJURAN PERSATUAN REKREASI LUAR WILAYAH PERSEKUTUAN DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA DAN DIBAWAH NAUNGAN D.Y.M.M. SULTAN SELANGOR DARUL EHSAN.





SALAM KASIH

*ANTARA LELAUT DAN OMBAK
ANTARA BEBAYU LEMBUT
PELAYARAN INI
SEMAMAM AMAT ABADI
SEMADI KASIH DAN SALAM
SEBENARNYA
TIADA PEMISAH BAGI KAMI
SEKEDAR LAUTAN
NAMUN HORMAT ANTARA SESAMA
LUHUR
PESANAN
KAMI SAMPAIKAN
MELALUI OMBAK BERALUN LESU
SEKEDAR PENGUBAT RINDU
WARISAN WARNA KULIT NAN SAMA
PADA TUTURIKATA SENADA
BEBUIH MEMUIH
MENGGIGIT PANTAI KEPULAUAN SEJARAH INI
DISINILAH KETURUNAN KAMI
BAPA
IBU
TEMAN DAN GENERASI PEWARIS
SAMBUNGAN TALLAN KASIH KAMI
UNTUK DETIK-DETIK MENDATANG
SALAM INI
SALAM KASIH
NAN SUCI*

*RAZAK ABDULLAH
TANJUNG UBAN; KEPULAUAN RIAU, INDONESIA
20/6/89
7.25MLM(M'SIA)
6.25MLM(INDONESIA)
NUSANTARA*



P E N G H A R G A A N

YB MENTERI BELIA DAN SUKAN

YTH MENTERI PEMUDA DAN OLAHRAGA INDONESIA

Y.BGH TAN SRI ELYAS OMAR

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KEDUTAAN BESAR REPABLIK INDONESIA

KANTOR GABENOR PROPENSI LAMPONG

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

GARUDA INDONESIA

DIRJEN PARIWISATA,INDONESIA

SPORTECS DIVEMATE SDN BHD

WISMA PUTRA

KEDUTAAN MALAYSIA,INDONESIA

SEKAPUR SIREH,TV3

RADIO TELEVISYEN MALAYSIA

PIHAK AKHBAR AKHBAR TEMPATAN

RAJALAWALI CITRA TELEVISYEN INDONESIA

UNIVERSITAS LAMPUNG,INDONESIA

PERSATUAN OLAHRAGA DAYUNG SELURUH INDONESIA

KANTOR KABUPATEN,BANTEN

KOMITEE OLAHRAGA NASIONAL INDONESIA

AHLI-AHLI PERSATUAN KENU KUALA LUMPUR.

THE CHALLENGE IS ON...



LIFE INSURANCE AS A CAREER !!

WHY? Because...

Its a profession with apotential for high personal income and rewards.

BUT HOW ?....

With effective, proper training on product, attitude, selling and handling people skills.

WHO should call...

- . Ambitious person who is serious about success
- . People who have the desires to SERVE MANKIND




MR WONG AH THONG

AGENCY MANAGER

SUPERB AGENCY & ASSOCIATES

REPRESENTING AMERICAN INTERNATIONAL ASSURANCE CO . LTD. PETALING JAYA TEL. NO.
7753845/7741148

Sumber terkaya Malaysia bukannya petroleum



Malaysia sungguh bertuah kerana tidak sahaja memiliki banyak sumber petroleum, tetapi, lebih penting daripada itu, ia mempunyai rakyat yang inovatif dan rajin bekerja.

Kini, di PETRONAS, rakyat Malaysia dengan pelbagai kemahiran memainkan peranan yang semakin penting dalam industri petroleum yang terus berkembang. Selama lebih sedekad, mereka telah menerima latihan luas lagi khusus dalam semua aspek industri ini.

Hasilnya, rakyat Malaysia yang berkecayaan kini mengendalikan semua operasi utama PETRONAS dalam bidang *Eksplorasi

*Pengeluaran *Pemprosesan *Penapisan dan *Perkilangan. Rakyat Malaysia yang berkhidmat dengan Perbadanan Petroleum Negara telah membantu untuk mencurahkan sumbangan besar kepada industri petroleum dan juga ekonomi negara.

Industri petroleum kini telah berkembang luas hingga merangkumi kehidupan segenap lapisan rakyat Malaysia dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan di samping meningkatkan kemahiran dan mutu kehidupan.

PETRONAS 